

6

PANJANG, JISIM DAN ISI PADU CECAIR



6.1.1

NOTA GURU

- Galakkan murid bercerita tentang gambar rangsangan di atas.
- Fokuskan perhatian murid kepada bangku (panjang dan pendek), pokok (tinggi dan rendah), kereta (jauh dan dekat), kanak-kanak bermain jongkang-jongket (berat dan ringan), air pancuran dan tasik (isi padu yang sedikit dan banyak).




KENALI PANJANG OBJEK

1

Kita guna satu buluh panjang dan satu buluh pendek.



2



Pokok pinang **tinggi**. Pokok palma **rendah**.
🪁 terbang **tinggi**. 🪁 terbang **rendah**.

6.1.1
6.1.3



- Tekankan penggunaan istilah panjang dalam pelbagai situasi harian. Contohnya membanding objek di dalam bilik darjah.
- Layari <http://www.ixl.com/math/practice/kindegarten-long-short>



UJI DIRI

Bandingkan.



- Gerabak yang **paling dekat** dengan kepala kereta api ialah .
- Gerabak yang **paling jauh** daripada kepala kereta api ialah .
- Gerabak **paling panjang**.
- Gerabak **paling pendek**.
- Gerabak **paling tinggi**.
- Gerabak **paling rendah**.

6.1.1
6.1.3



- Aktiviti membina objek yang panjang, pendek, tinggi, rendah, jauh dan dekat menggunakan plastisin, bongkah dan sebagainya.
- Banyakkan soalan latihan dalam bentuk lembaran kerja atau kad soalan.
- Layari <http://www.ixl.com/math/practice/kindergarten-long-short>

BA halaman 45 - 46



UKUR DAN BANDING PANJANG OBJEK

1

Bagaimana kita ukur panjang buku ini?



Kita ukur dari hujung ke hujung dengan pensel.



Panjang buku sama dengan **2 pensel**.

2



Panjang pensel warna sama dengan **4** .



Panjang jam tangan sama dengan **7** .

 lebih panjang daripada .

6.1.2
6.1.3



- Bimbing murid mengukur panjang objek dengan menggunakan unit bukan piawai yang sesuai seperti klip kertas, cip berwarna, butang dan sebagainya.
- Banyakkan soalan latihan dalam bentuk lembaran kerja atau kad soalan.

3

Kaswini



Lebar meja kira-kira
5 jengkal.



1 jengkal

Amni ukur lebar
meja yang sama,
6 jengkal.
Mengapa ukuran
Amni dengan
Kaswini berbeza?



4

Adli



1 langkah



Anggaran panjang tikar
ialah 4 langkah.

6.1.2
6.1.3



- Lakukan aktiviti mengukur objek-objek yang sesuai dengan menggunakan jengkal dan sebagainya. Bincangkan sebab ukuran berbeza antara murid-murid.
- Ukur objek yang sama dengan menggunakan unit bukan piawai yang berlainan. Bincangkan.



Panjang papan putih lebih kurang depa.



UJI DIRI

- 1 Kenal pasti cara untuk ukur objek di sebelah.



- 2 Lengkapkan.



Tinggi  sama dengan .

Tinggi  sama dengan .

 lebih tinggi daripada .

 .



KENALI JISIM OBJEK



ASAH MINDA



Kotak yang mana berat?
Berikan sebab.



UJI DIRI

Bandungkan objek di bawah. Berat atau ringan?

a



b



c



6.1.1
6.1.3



BA halaman 52 - 53

- Bimbing murid melakukan aktiviti simulasi mengangkat objek-objek di dalam kelas dan perkenalkan istilah "berat" dan "ringan".
- Bimbing murid menaakul bahawa berat atau ringan sesuatu objek bergantung kepada muatan, bilangan, jenis bahan yang digunakan dan sebagainya.
- Banyakkan soalan latihan dalam bentuk lembaran kerja atau kad soalan.



TIMBANG DAN BANDING JISIM OBJEK

1



Jisim buku merah
sama dengan 5 guli.



Jisim buku biru
sama dengan 8 guli.

Jisim buku merah **kurang daripada** jisim buku biru.

2



Jisim epal sama
dengan 2 tin sardin.

Jisim mangga sama
dengan 3 tin sardin.



Buah yang mana ringan?

6.1.2
6.1.3



- Terangkan kepada murid maksud jisim ialah nilai timbangan objek.
- Bimbing murid menggunakan unit bukan piawai yang berlainan untuk menimbang jisim objek dan membuat perbandingan.

3



Jisim kicap **kurang**
daripada jisim gula.




Jisim beras **lebih**
daripada jisim gula.

Kicap paling ringan.
 paling berat.

ASAHI
MINDA



Yang mana berat,
paku atau bola
pingpong? Terangkan.



UJI DIRI



Timbang objek guna guli. Catat bilangan guli. Bandingkan.

Objek	Bilangan guli
	
	
	

1 Apakah objek paling berat?

2 Apakah objek paling ringan?

6.1.2
6.1.3




- Jalankan aktiviti membina neraca timbang menggunakan penyangkut baju atau objek yang sesuai untuk menimbang dan membanding jisim objek di dalam kelas.
- Banyakkan soalan latihan dalam bentuk lembaran kerja atau kad soalan.

BA halaman 54 - 56



KENALI ISI PADU CECAIR



Jus mangga **penuh**.

Jus jambu **sedikit**.

Jus anggur dan jus oren tinggal **setengah**.

Isi padu jus anggur **sama dengan** isi padu jus oren.



UJI DIRI

Lihat gambar. Tentukan isi padu.

paling banyak

penuh

suku

paling sedikit

setengah

susu

teh

kopi



6.1.1
6.1.3



- Bimbing murid memahami isi padu cecair dengan menggunakan beberapa bekas yang berbeza saiz. Contohnya pelbagai saiz botol. Perkenalkan juga istilah setengah dan suku.
- Banyakkan soalan latihan dalam bentuk lembaran kerja atau kad soalan.

BA halaman 57 - 58



SUKAT DAN BANDING ISI PADU CECAIR



Isi padu  sama dengan 5 .

Isi padu  sama dengan 7 .

Isi padu air di dalam  lebih banyak.

2 Bandingkan isi padu susu.



Isi padu susu coklat **paling banyak.**

Isi padu susu segar **paling sedikit.**

6.1.2
6.1.3



- Jelaskan bahawa isi padu ialah cecair yang memenuhi bekas.
- Jalankan aktiviti menyukat isi padu cecair di dalam bekas yang berbeza menggunakan ukuran unit bukan piawai yang sama. Bimbing murid membuat kesimpulan.



Isi padu  sama dengan .

Isi padu  sama dengan .

Isi padu  kurang daripada isi padu .

Isi padu  isi padu .



UJI DIRI

Lihat gambar. Jawab soalan di bawah.



Isi padu  sama dengan .

Isi padu  sama dengan .

Isi padu  sama dengan .

Isi padu  daripada isi padu .

Isi padu  paling .

6.1.2
6.1.3



- Jalankan aktiviti menyukat isi padu cecair di dalam beberapa bekas yang berbeza menggunakan ukuran unit bukan piawai yang sama. Murid merekodkan setiap sukatan dan membuat perbandingan serta kesimpulan.
- Banyakkan soalan latihan dalam bentuk lembaran kerja atau kad soalan.


BA halaman 59 - 61



SELESAIKAN

- 1 Panjang pen sama dengan 4 . Panjang pensel sama dengan 5 . Yang manakah lebih panjang, pen atau pensel?

Cara



Pensel lebih panjang daripada pen.

2



Yang mana lebih ringan, gula atau tepung?

Cara

Jisim gula sama dengan 3 tin susu.
Jisim tepung sama dengan 6 tin susu.
3 tin kurang daripada 6 tin.

Gula lebih ringan daripada tepung.

6.2.1



- Gunakan kaedah simulasi atau membina model untuk menyelesaikan masalah.


3

Isi padu  sama dengan 6 .

Isi padu  kurang 2  daripada isi padu .

Berapa isi padu .

Cara



Isi padu  sama dengan 4 .

4

Isi padu air tebu lebih daripada isi padu air barli. Isi padu air tebu dan air barli kurang daripada isi padu air kelapa. Isi padu air apakah yang paling sedikit?

Cara



Isi padu **air barli** yang paling sedikit.

6.2.1

NOTA GURU

- Banyakkan contoh soalan yang melibatkan pelbagai isi padu cecair, panjang dan jisim untuk mengukuhkan pemahaman murid.

BA halaman 62 - 64



UJI DIRI

Selesaikan.

- 1 Isi padu  sama dengan 4 . Isi padu  sama dengan 6 . Isi padu yang manakah lebih banyak,  atau  ?


- 2 Ramu tuang sekotak air laici ke dalam beberapa gelas. Kiran minum 1 gelas. Kawan-kawan yang lain minum 5 gelas. Berapa gelaskah sekotak air laici itu?

3



- a Yang mana lebih berat, surat khabar atau buku?
b Berapa bilangan  bagi jumlah jisim surat khabar dan buku?

- 4 Panjang bekas pensel sama dengan 5 .
Panjang pensel sama dengan 4 .
Adakah pensel boleh disimpan di dalam bekas pensel? Terangkan.



6.2.1



- Selesaikan masalah yang diberikan dengan beberapa cara yang sesuai.
- Layari <https://www.sheppardsoftware.com/mathgames/menus/measurement.htm>
- Banyakkan soalan latihan dalam bentuk lembaran kerja atau kad soalan.



Carta banding

Peserta 6 murid satu kumpulan.

Bahan Gambar daripada katalog dan majalah terpakai, gam, kad tugas, pen.

Cara

- 1 Tampil gambar yang sesuai pada kad tugas.



Panjang	Jisim	Isi padu
Tinggi Rendah	Berat Ringan	Banyak Sedikit
Jauh Dekat	Tepung berat. Biskut ringan.	Penuh Separuh Suku
Panjang pensel 7 . Panjang krayon 4 . Pensel lebih panjang daripada krayon.	Jisim gula 2 . Jisim beras 3 . Jisim gula kurang daripada jisim beras.	Isi padu jus jambu sama dengan isi padu air sirap.

- 2 Hias kad tugas.
- 3 Pamerkan kerja di sudut matematik.

6.1



- Sediakan bahan untuk aktiviti Cerdas Ria dan bimbing murid membina carta di atas.
- Jalankan aktiviti di tiga stesen. Stesen pertama untuk aktiviti mengukur panjang, stesen kedua untuk aktiviti menimbang jisim dan stesen ketiga untuk aktiviti menyukat isi padu cecair. Sediakan bahan yang mencukupi untuk aktiviti tersebut.

BA halaman 65 - 66